

05/07/2001

700 ciptaan rakyat Malaysia bertaraf antarabangsa

KUALA LUMPUR, Rabu - Kira-kira lima peratus daripada lebih 5,000 projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7), berjaya dikomersialkan.

Daripada lebih 5,000 projek itu, kira-kira 700 projek berpotensi dikomersialkan, tetapi hanya sepertiga daripada jumlah itu sudah dikomersialkan dengan berjaya manakala selebihnya dalam proses pengkomersialan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, yang menganggap jumlah itu tinggi dan bertaraf dunia, bagaimanapun berharap industri berkaitan bersikap lebih proaktif dalam mengkomersialkan hasil penyelidikan saintis tempatan.

Pada masa yang sama, beliau menasihatkan penyelidik tempatan supaya memanfaatkan peruntukan yang diberi dengan menghasilkan produk yang berorientasikan perniagaan.

"Ada saintis yang hanya memohon geran penyelidikan untuk mendapatkan ijazah kedoktoran. Selepas mendapat ijazah, penyelidikan mereka terbiar begitu saja dan tidak diperluaskan untuk pembangunan rakyat dan negara.

"Peruntukan kewangan untuk kegiatan R&D seperti geran Program Penyelidikan Dalam Bidang Keutamaan (Irpa) di bawah kementerian ini, amat terhad.

"Oleh itu, kita tidak boleh memberi geran ini kepada setiap saintis yang memohon, sebaliknya perlu mengutamakan penyelidikan yang mempunyai nilai komersial," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Kabinet, di sini hari ini.

Peruntukan Irpa merangkumi lapan bidang iaitu pengeluaran lanjutan, bahan lanjutan, bioteknologi, teknologi maklumat, elektronik, tenaga, angkasa lepas dan alam sekitar.

Bagaimanapun, Law berkata, itu tidak bermakna pihaknya mengetepikan penyelidikan asas seperti pengumpulan data yang amat diperlukan dalam sektor perubatan.

Namun, katanya, peruntukan untuk penyelidikan seumpama itu tidak besar berikutan peruntukan yang terhad.

Beberapa pesyarah yang dihubungi semalam menyuarakan rasa tidak puas hati dengan proses kelulusan geran R&D pada masa ini yang didakwa lebih mengutamakan pengkomersialan hasil.

Berbanding ketika geran berkenaan mula diperkenalkan, saintis yang hendak menjalankan penyelidikan asas pada masa ini, terutama bagi tujuan mengumpul data, sering kali dikecewakan atas alasan penyelidikan mereka terlalu mudah dan tidak memberi sumbangan kepada negara dan rakyat.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta pegawai yang mengurus dana R&D supaya tidak menyekat bantuan bagi membiayai kajian saintis tempatan.

Law berkata, pihaknya juga sedang menyemak prosedur permohonan peruntukan bagi memastikannya lebih mudah dan tidak membebankan pemohon.

(END)